

Bil. S 22

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/2006)**

**PERATURAN-PERATURAN KASTAM (KETETAPAN KASTAM), 2013**

**SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN**

**Peraturan**

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
  2. Permohonan bagi ketetapan kastam.
  3. Pengawal boleh enggan membuat ketetapan.
  4. Tempoh ketetapan.
  5. Maklumat hendaklah diberikan kepada Pengawal.
  6. Pengawal boleh membuat andaian.
  7. Membuat ketetapan.
  8. Pengubahsuaian atau penarikan balik ketetapan.
  9. Kesilapan menaip atau kesilapan kecil dalam ketetapan.
  10. Pengenaan ketetapan jika S 39/2006 dipinda.
  11. Pengawal hendaklah mengisytiharkan ketetapan sebagai tidak sah.
  12. Menerima dua ketetapan kastam.
-

**PERINTAH KASTAM, 2006  
(S 39/2006)**

**PERATURAN-PERATURAN KASTAM (KETETAPAN KASTAM), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 152(2)(zj) dari Perintah Kastam, 2006, maka Menteri Kewangan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

**Gelaran dan permulaan kuatkuasa.**

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Kastam [Ketetapan Kastam], 2013 dan hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada tarikh yang sama dengan Perintah Kastam (Pindaan), 2013.

**Permohonan bagi ketetapan kastam.**

2. (1) Tertakluk kepada peraturan kecil (3), mana-mana orang yang terlibat dalam pengimportan apa-apa barangan boleh memohon kepada Pengawal bagi suatu ketetapan ke atas satu atau lebih dari perkara-perkara yang berikut —

(a) klasifikasi barangan;

(b) negara asal barangan;

(c) pengenaan suatu peruntukan dalam Aturan-Aturan Kastam (Penilaian Barangan Import), 2001 (S 53/2001) kepada barangan itu.

(2) Jika apa-apa barangan adalah tertakluk kepada mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas di mana Negara Brunei Darussalam adalah suatu pihak dalam Perjanjian Perdagangan Bebas itu, dan Perjanjian Perdagangan Bebas itu mengenalpasti orang yang boleh memohon bagi suatu ketetapan berkenaan dengan barangan itu, maka hanya orang itu sahaja boleh memohon di bawah peraturan kecil (1) atau (2) bagi suatu ketetapan berkenaan dengan barangan tersebut.

(3) Permohonan bagi suatu ketetapan hendaklah —

(a) dibuat dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal;

(b) mematuhi kehendak-kehendak pendedahan dalam peraturan 5; dan

(c) dibuat pada masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

**Pengawal boleh enggan membuat ketetapan.**

3. (1) Pengawal boleh enggan membuat suatu ketetapan jika —

(a) permohonan bagi ketetapan itu akan menghendaki Pengawal untuk memutuskan apa-apa persoalan fakta;

(b) Pengawal berpendapat bahawa ketepatan ketetapan itu akan bergantung kepada andaian yang dibuat, sama ada berkaitan dengan kejadian masa hadapan atau apa-apa perkara lain;

(c) permohonan itu adalah remeh atau menyusahkan;

(d) perkara yang dipohonkan ketetapan itu melibatkan tafsiran sebarang undang-undang asing;

(e) setelah Pengawal meminta maklumat lanjut —

(i) pemohon gagal memberikan maklumat dalam masa yang ditentukan oleh Pengawal bagi pemberian maklumat; atau

(ii) pada pendapat Pengawal, pemohon tidak memberikan maklumat yang mencukupi berkenaan dengan permohonan itu;

(f) suatu rayuan di bawah Peraturan-Peraturan ini yang melibatkan hal perkara yang disebut dalam permohonan itu belum lagi diputuskan;

(2) Pengawal hendaklah, jika dia enggan membuat suatu ketetapan, memberitahu pemohon secara bertulis mengenai keputusannya dan sebab-sebabnya.

**Tempoh ketetapan.**

4. Suatu ketetapan hendaklah dikenakan berhubung dengan suatu perkara hanya bagi tempoh sebagaimana yang mungkin dinyatakan dalam ketetapan itu.

**Maklumat hendaklah diberikan kepada Pengawal.**

5. (1) Permohonan bagi suatu ketetapan hendaklah —

(a) mengenalpasti pemohon; dan

(b) mendedahkan semua fakta dan dokumen yang berkaitan berhubung dengan perkara yang berkaitan dengannya ketetapan itu dipohonkan.

(2) Pengawal boleh, pada bila-bila masa, meminta maklumat lanjut daripada pemohon bagi tujuan membuat suatu ketetapan.

(3) Pemohon bagi suatu ketetapan hendaklah memberikan kepada Pengawal maklumat yang disebut dalam peraturan kecil (2) dalam tempoh masa sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal.

**Pengawal boleh membuat andaian.**

6. Jika Pengawal berpendapat bahawa ketepatan suatu ketetapan akan bergantung kepada andaian yang dibuat mengenai apa-apa kejadian masa hadapan atau perkara lain, Pengawal boleh membuat andaian yang dianggapnya paling bersesuaian.

**Membuat ketetapan.**

7. (1) Suatu ketetapan yang dibuat oleh Pengawal hendaklah menyatakan —

(a) bahawa ketetapan itu adalah suatu ketetapan yang dibuat di bawah bab 22A;

(b) identiti orang atau golongan orang yang kepadanya ketetapan itu dikenakan, dan butir-butir perkara yang dikenakan ketetapan itu;

(c) apa-apa andaian penting tentang kejadian masa hadapan atau perkara lain yang dibuat oleh Pengawal; dan

(d) syarat-syarat (jika ada) yang dikenakan kepada ketetapan itu.

(2) Pengawal hendaklah memberitahu orang yang kepadanya ketetapan itu dikenakan mengenai ketetapan yang dibuat itu dengan menghantar kepadanya satu salinan ketetapan itu.

(3) Jika terdapat mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas berkenaan dengan perkara yang dikenakan suatu ketetapan, dan Perjanjian Perdagangan Bebas itu menentukan tempoh yang dalam tempoh tersebut ketetapan itu hendaklah dibuat, Pengawal hendaklah membuat ketetapan itu dalam tempoh tersebut.

(4) Pengawal boleh membuat suatu ketetapan walaupun tiada permohonan dibuat di bawah peraturan kecil 1.

**Pengubahsuaian atau penarikan balik ketetapan.**

8. (1) Pengawal boleh, atas budibicaranya atau atas permohonan seseorang yang kepadanya ketetapan itu dikenakan, pada bila-bila masa, mengubahsuaikan atau menarik balik suatu ketetapan dengan memberitahu orang yang kepadanya

ketetapan itu dikenakan mengikut cara sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal mengenai pengubahsuaian atau penarikan balik ketetapan itu dan sebab-sebabnya.

(2) Tertakluk kepada peraturan kecil (3) dan (4), suatu ketetapan adalah diubahsuai atau ditarik balik dari tarikh yang dinyatakan dalam notis pengubahsuaian atau penarikan balik, mengikut mana yang berkenaan.

(3) Pengawal boleh, atas permohonan seseorang yang kepadanya suatu ketetapan dikenakan, menangguhkan tarikh ketetapan itu diubahsuai atau ditarik balik kepada suatu tarikh yang kemudian sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Pengawal, jika orang itu menunjukkan bahawa —

(a) dia telah bersandar dengan suci hati kepada ketetapan itu; dan

(b) pengubahsuaian dan penarikan balik, mengikut mana yang berkenaan, ketetapan itu akan merugikan.

(4) Pengawal boleh menangguhkan tarikh ketetapan itu diubahsuai atau ditarik balik kepada suatu tarikh yang kemudian sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya walaupun tiada permohonan dibuat di bawah peraturan kecil (3).

(5) Jika Pengawal menarik balik suatu ketetapan, ketetapan itu tidak boleh dikenakan berhubung dengan apa-apa barangan, hal perkara ketetapan itu, yang diimport atau dikilang setempat, pada atau selepas tarikh penarikan balik itu.

(6) Jika —

(a) Pengawal menarik balik suatu ketetapan yang dibuat menurut permohonan oleh seseorang di bawah peraturan 1; dan

(b) orang yang kepadanya ketetapan itu dikenakan tidak bertindak menurut apa-apa syarat yang dikenakan kepada ketetapan itu,

maka ketetapan itu hendaklah terhenti daripada dikenakan kepada orang itu berhubung dengan apa-apa barangan, hal perkara ketetapan itu, yang diimport atau dikilang setempat sebelum tarikh penarikan balik itu.

(7) Jika Pengawal mengubahsuai suatu ketetapan, ketetapan yang diubahsuai itu hendaklah dikenakan berhubung dengan apa-apa barangan, hal perkara ketetapan yang diubahsuai itu, yang diimport atau dikilang setempat, pada atau selepas tarikh pengubahsuaian itu.

(8) Jika —

(a) Pengawal mengubahsuai suatu ketetapan yang dibuat menurut permohonan oleh seseorang di bawah peraturan kecil 1; dan

(b) orang yang kepadanya ketetapan asal itu dikenakan tidak bertindak menurut apa-apa syarat yang dikenakan kepada ketetapan asal itu,

maka ketetapan yang diubahsuai itu hendaklah dikenakan kepada orang itu berhubung dengan apa-apa barangan, hal perkara ketetapan yang diubahsuai itu, yang diimport atau dikilang setempat, sebelum tarikh pengubahsuaian itu.

(9) Pengawal boleh mengubahsuai atau menarik balik suatu ketetapan jika —

(a) ketetapan itu adalah berdasarkan kepada kesilapan fakta;

(b) terdapat perubahan dalam hal keadaan selepas ketetapan itu dibuat;

(c) apa-apa maklumat yang diberikan oleh pemohon bagi menyokong permohonannya bagi ketetapan itu adalah salah, tidak tepat atau mengelirukan;

(d) terdapat perubahan dalam asas klasifikasi barangan selepas ketetapan itu dibuat;

(e) terdapat perubahan dalam hal keadaan berhubung dengan penjualan dan pengimportan atau pengilangan setempat barangan selepas ketetapan itu dibuat;

(f) suatu kesalahan disyaki telah dilakukan berkenaan dengan barangan; atau

(g) ia adalah salah satu alasan pengubahsuaian atau penarikan balik yang diperuntukkan di bawah mana-mana Perjanjian Perdagangan Bebas yang berkaitan dengan perkara yang dikenakan ketetapan itu.

**Kesilapan menaip atau kesilapan kecil dalam ketetapan.**

9. Pengawal tidak perlu menarik balik dan mengeluarkan semula suatu ketetapan untuk membetulkan apa-apa kesilapan menaip atau kesilapan kecil, jika pembetulan itu tidak mengubah makna ketetapan itu.

**Pengenaan ketetapan jika S 39/2006 dipinda.**

10. Suatu ketetapan tidak dikenakan dari tarikh suatu peruntukan dalam Perintah Kastam, 2006 dimansuhkan atau dipinda setakat mana pemansuhan atau pindaan itu mengubah cara peruntukan itu dikenakan dalam ketetapan itu.

**Pengawal hendaklah mengisytiharkan ketetapan sebagai tidak sah.**

11. Pengawal hendaklah dengan suatu notis mengisytiharkan suatu ketetapan kastam yang dibuat di bawah bab 22A sebagai tidak sah dan tidak berkuatkuasa jika ketetapan itu telah diperolehi oleh pemohon dengan cara penipuan, salah nyata atau pemalsuan fakta-fakta.

**Menerima dua ketetapan kastam.**

12. Jika pemohon menerima dua atau lebih ketetapan kastam yang berlainan atas hal perkara yang sama, ketetapan itu hendaklah disifatkan sebagai tidak sah dan pemohon itu hendaklah dengan serta-merta memberitahu Pengawal yang akan, dalam masa 30 hari dari tarikh pemberitahuan itu, mengeluarkan suatu ketetapan kastam yang baru.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 21 haribulan Mac, 2013.

PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA  
DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABDUL RAHMAN  
BIN HAJI IBRAHIM,  
Menteri Kewangan II,  
Jabatan Perdana Menteri.